

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
KOMPLEKS LOT 10, JALAN SULTAN ISMAIL, KUALA LUMPUR
UPACARA PEMBUKAAN RASMI ISETAN MALAYSIA
10 DISEMBER 1990

Encik K. Kosuge, Presiden Isetan of Japan; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya berasa gembira kerana dapat berada di sini untuk merasmikan pembukaan Isetan Malaysia. Saya berbangga dan ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Isetan Malaysia kerana menjemput saya ke Majlis ini.

2. Pembukaan Isetan Malaysia menandakan satu lagi 'land- mark' baru di ibukota Kuala Lumpur. Adalah diharapkan perkhidmatan dan barang-barang yang ditawarkan oleh Isetan Jepun di pusat-pusat membeli-belah seperti di Jepun, Hong Kong dan Singapura akan ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan Isetan Malaysia.

3. Sebagaimana yang kita ketahui, Malaysia sedang menikmati suasana ekonomi yang baik dengan pelaburan yang semakin bertambah. Dalam suasana seperti ini, para pengguna pula mengharapkan barang-barang, perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti untuk memenuhi keperluan harian mereka dan trend kesedaran terhadap kualiti di kalangan para pengguna kita semakin meningkat.

4. Justeru itu, adalah penting bagi industri-industri perniagaan di negara ini mengutamakan kualiti, perkhidmatan dan barang-barang mereka. Hanya dengan memberi perkhidmatan dan barang-barang yang baik, akan menentukan kemampuan kita untuk bersaing dengan para pesaing kita. Saya percaya hanya dengan persaingan yang sihat sahaja kualiti perkhidmatan dan barang-barang boleh dipertingkatkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Saya mengucapkan tahniah kepada Isetan Jepun kerana memilih Malaysia sebagai tempat perniagaannya yang baru di rantau ini. Ini membuktikan keyakinan pengusaha-pengusaha luar negeri terhadap negara kita kerana kestabilan politik dan ketenteramannya. Dengan adanya pengusaha-pengusaha seperti Isetan yang datang melabur di sini, ramai yang akan mendapat peluang kerja, dan ini akan mewujudkan 'spin offs' yang boleh menguntungkan banyak lagi pihak.

6. Saya berharap Isetan Malaysia akan terus menempa kemajuan dan kejayaan di samping membawa kebahagiaan bukan sahaja kepada Syarikat ini tetapi juga kepada rakyat dan negara ini.

7. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka Isetan Malaysia dengan rasminya.